

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 1/1978**

=====

**FORMULA UNTUK MENGENAKAN BAYARAN BAGI PENGELUARAN
TANAH DAN RUMAH DI RANCANGAN PERUMAHAN KERAJAAN
HARGA MURAH**

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri di dalam mesyuaratnya pada 1hb Disember 1977 telah meluluskan syarat-syarat milik bagi pengeluaran tanah dan rumah di rancangan-rancangan perumahan Kerajaan mengikut kaedah dan kadar salah satu seperti berikut:-

i) Pembayaran Secara Pertama

Premium, Cukai Tahunan, Cukai Parit, Cukai Pelajaran, Upah Sukat, batu sempadan, pelan hakmilik, pendaftaran hakmilik sementara, pendaftaran "final title" dan permohonan tanah dibayar sekali gus pada masa rumah diserahkan kepada pemohon yang berjaya. Pembayaran harga rumah dan faedah, infrastruktur, bayaran pentadbiran dan bayaran ansuran api boleh dibayar secara beransur-ansur.

ii) Pembayaran Secara Kedua

Sekiranya permohonan yang berjaya berkehendakkan membayar harga rumah dan infrastruktur sekali gus, pembayaran itu bolehlah diterima tanpa faedah, bayaran pentadbiran dan bayaran ansuran api.

iii) Pembayaran Secara Ansuran Harga Rumah

Pemilik-pemilik rumah boleh membayar secara ansuran mengikut formula seperti berikut:-

Kadar dan Kiraan Harga Rumah Dan Pentadbiran

- | | | | |
|------|--|---|------------------------|
| i) | Bayaran harga rumah | : | RM X (Harga Sebenar) |
| ii) | Bayaran infrastruktur | : | RM Y (Harga Sebenar) |
| iii) | Jumlah harga rumah dan infrastruktur | : | RM X + RM Y |
| iv) | Tolak 50% daripada harga infrastruktur | : | RM Y - 50% = Z |

- v) Harga rumah dan 50% :

daripada infrastruktur dikutip secara beransur tiap-tiap BULAN selama 15 tahun dengan faedah 6 ½ setahun

- vi) Bayaran Pentadbiran : 20 Sen satu lot sebulan
- viii) Insuran api : 50 Sen satu lot sebulan (mengikut kadar yang ditetapkan dari satu masa ke satu masa)

Misal Rumah di Sekinchan

Harga Rumah	:	RM7,981.04
Bayaran harga infrastruktur	:	RM1,509.76
Jumlah	:	RM9,570.80
Tolak 50% harga infrastruktur	:	RM 794.88
Dikutip secara beransur tiap-tiap bulan selama 15 tahun dengan faedah 6 ½	:	RM 8,775.92

Bayaran tiap-tiap Bulan

Harga Rumah infrastruktur dan faedah	:	RM	74.11
Pentadbiran	:	RM	.20
Insuran Api	:	RM	.50
Jumlah		RM	74.81

- iv) Suratan Hakmilik Sementara hendaklah dicagarkan kepada Kerajaan Negeri Selangor sehingga semua hutang habis dijelaskan oleh penghuni.

2. Pemungut-pemungut Hasil Tanah hendaklah patuh dengan Pekeliling ini.

T.T
(HAJI SULAIMAN BIN MOHD DON)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
SELANGOR

PTG.SEL.1082 (48)
KUALA LUMPUR
20HB JANUARI 1978

*** PEKELILING DIBATALKAN DENGAN PEKELILING BIL.11/1979***